

Siri Penerbitan Tokoh-tokoh Islam

Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil


MENONGKAH ARUS

Meneraju Menara Gading

Biografi

Abdul Shukor Hj. Husin

Mohammad Haji Alias et al.







Gambar Keluarga

Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil
MENONGKAH ARUS
Meneraju Menara Gading

Biografi

**Profesor Emeritus Tan Sri Dato'
Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**



Di Padang Arafah

Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil
MENONGKAKH ARUS
Meneraju Menara Gading

Biografi

**Profesor Emeritus Tan Sri Dato'
Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**

Mohammad Haji Alias
Zulkiple Abd Ghani
Syahirah Abdul Shukor
Sapora Sipon
Hariza Mohd Yusof

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan

2012

CETAKAN PERTAMA 2012

© Hak cipta Universiti Sains Islam Malaysia 2012

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai

71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-798 8226/6081 Faks: 06-798 6083
pej.penerbitan@usim.edu.my
<http://penerbit.usim.edu.my>

Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh:

Online Printing Network Sdn. Bhd.
No.49B, Jalan Anggerik,
Vanila N31/N Kota Kemuning Seksyen 13,
40460 Shah Alam, Selangor
Tel / Faks : 03-5131 2458

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil: menongkah arus meneraju menara gading
: biografi Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Haji Husin / Moham-
mad Haji Alias ... [et al.]
ISBN 978-967-5295-97-3
1. Abdul Shukor Haji Husin, Tan Sri. 2. Educators--Malaysia--Biography.
I. Mohammad Haji Alias.
923.7595

Kandungan

Kata Aluan	9
Pendahuluan oleh Penulis-Penulis	19
Bab 1 : Kelahiran dan Asal Usul	25
Bab 2 : Perkembangan Akademik	41
Bab 3 : Kerjaya dan Khidmat Masyarakat	73
Bab 4 : Penubuhan USIM	93
Bab 5 : Sumbangan Tiada Noktah	127
Bab 6 : Abdul Shukor Bapa Mithali	159
Bab 7 : Rumusan	181
Rujukan	189



Bersama isteri ketika menerima Pingat Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) dari Sultan Pahang



TITAH PERUTUSAN DIRAJA

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA

TENGGU MAHKOTA PAHANG

TENGGU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH

AL-MUSTA'IN BILLAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan Biografi *Dari Sungai Pahang Ke Sungai Nil: Menongkah Arus Meneraju Menara Gading* terbitan Penerbit USIM. Saya juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan pihak USIM bagi saya menukilkan Titah Alu-aluan dan melancarkan buku Biografi ini.

Negeri Pahang Darul Makmur adalah sebuah negeri yang banyak melahirkan tokoh sama ada dalam bidang pentadbiran, akademik, politik, kepimpinan negara, agama mahupun korporat. Paduka ayahanda saya, selaku Sultan Pahang, pemerintah negeri Pahang dan wilayahnya sentiasa menggalakkan rakyatnya melakar serta mencari kemajuan terutama dalam bidang ilmu pengetahuan, ekonomi, sosial dan lain-lain. Tokoh-tokoh yang dilahirkan bukan sahaja memberi manfaat kepada Negeri Pahang Darul Makmur malah juga kepada Negara dan dunia.

Saya amat berbangga atas usaha USIM menerbitkan Biografi Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin. Saya sudah mengenali Tan Sri lebih dari 25 tahun. Beliau seorang anak jati Negeri Pahang Darul Makmur yang saya anggap mendaki kejayaan dari bawah ke atas yang boleh memberi pengajaran kepada generasi sekarang. Dalam pemerhatian saya, Tan Sri sangat komited dengan tugas-tugasnya, mempunyai kerja-kerja yang terancang di samping berpandangan jauh ke hadapan.

Secara khususnya Tan Sri telah banyak menyumbang idea kepada Negeri Pahang dalam kapasitinya sebagai ahli kepada Jawatankuasa/Institusi antaranya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang (1989 hingga sekarang), Ahli Jawatankuasa Saham Wakaf Negeri Pahang (1998), Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Pahang (1989 hingga sekarang), Lembaga Pengurus Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) (1995 hingga sekarang) dan Jawatankuasa Pendidikan Islam Negeri Pahang (1995 hingga sekarang). Justeru sumbangan Tan Sri kepada pembangunan agama dan pendidikan di negeri Pahang amat bermakna dan cukup signifikan.

Hari ini kita amat berbangga dengan seorang tokoh agama yang bukan sahaja boleh berperanan tinggi dalam bidang agama tetapi juga dalam bidang akademik, pengurusan dan pentadbiran peringkat tinggi. Saya dimaklumkan Tan Sri terlibat secara terus dalam penubuhan USIM dari peringkat permulaan, perlaksanaan dan pembangunannya yang meliputi penyediaan kertas cadangan kepada Kerajaan, pembangunan program akademik, sumber manusia serta pembangunan fizikalnya.

Idea serta pemikiran Tan Sri sangat dihormati dan diterima di negeri Pahang Darul Makmur, peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa. Saya dimaklumkan Tan Sri melibatkan diri di peringkat *Organization of The Islamic Conference* (OIC) dan negara-negara di Timur Tengah.

Pada pandangan saya pembangunan Islam di negara ini memerlukan tokoh-tokoh bijak pandai yang bukan sahaja tinggi ilmu mereka tapi berhemah dalam menghadapi isu-isu semasa peringkat nasional dan global. Malaysia adalah sebuah negara yang unik yang mengandungi rakyat pelbagai kaum dengan kepelbagaian dari segi adat, kebudayaan dan kepercayaan agama. Kepelbagaian ini merupakan satu keunikan dan juga kekuatan jika diuruskan dengan baik. Tidak ada negara di dunia ini yang boleh dijadikan sebagai model negara majmuk kecuali Malaysia. Maka tidak hairanlah negara-negara Islam di rantau ini mahupun dari Timur Tengah menjadikan Malaysia sebagai sebuah model. Negara-negara ini mencontohi Malaysia dari segi pembangunan ekonomi, sains dan teknologi dan identiti keislamannya yang dipertahankan.

Generasi Islam pada masa ini perlu melihat secara serius tentang kepentingan ini -pembangunan Islam—lebih-lebih lagi institusi pengajian tinggi (IPT) yang merupakan

“kilang” kepada pembentukan modal insan yang bertanggungjawab, pewaris kepada pemimpin sekarang. Saya penuh yakin pendidikan dan IPT bukan hanya berperanan memindahkan maklumat kepada generasi muda tetapi perlu melihat sejauh mana kejayaan IPT membentuk modal insan yang memenuhi keperluan tempatan dan global.

Tan Sri adalah dalam arus perdana pembangunan Pendidikan dan Pengajian Islam, arkitek anjakan paradigma persepsi masyarakat terhadap Pengajian Islam serta mempelopori pemasyarakatan fatwa. **Tan Sri adalah anak Negeri Pahang Darul Makmur yang dianggap sangat berjaya. Beliau adalah anak jati Negeri Pahang.** Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Tan Sri. Semoga Allah SWT mencucuri Rahmat dan Maghfirah-Nya terhadap Tan Sri, Insya-Allah.

Sekian. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



TENGGU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH

DK., SSAP., SIMP., DK[Terengganu]., DK [Johor]., SPMJ., PAT.



Bersama Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor

SEKAPUR SIREH BUAT PEMANIS KATA



Saya ingin mengucapkan syabas kepada kumpulan penulis buku ini dan juga Penerbit USIM atas usaha menerbitkan buku *Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil: Menongkah Arus Meneraju Menara Gading*, yang berkaitan dengan kehidupan seorang tokoh yang begitu dikenali ramai atas jasa, serta sumbangannya yang tidak ternilai dalam bidang keagamaan, pendidikan, dalam menyumbangkan idea-idea yang cukup bernas dan amat besar nilainya kepada Negara.

Prof. Emeritus Tan. Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, bukan nama asing dalam bidang pendidikan. Beliau yang merupakan rektor pertama untuk USIM (dulunya KUIM) merupakan insan yang telah memberi komitmen untuk merealisasikan penubuhan USIM. Ketokohan beliau menjadikan beliau orang yang tepat untuk dipilih sebagai nakhoda bagi mengemudi USIM dalam landasan yang tepat.

Saya mengenali beliau bukan sahaja sebagai rakan sekerja, malah seorang sahabat yang tidak pernah lokek untuk berkongsi segala ilmu yang ada dengan dirinya dengan orang lain demi kebaikan bersama. Saya amat yakin, penerbitan buku ini merupakan satu usaha untuk mendokumentasikan bukan sahaja mengenai periwayatan hidup malah lebih dari itu untuk dibaca serta ditatap oleh semua pembaca kejayaan seorang tokoh agama ini.

Akhir kata, saya mendoakan agar penerbitan buku ini menjadi teladan kepada generasi demi generasi untuk sama-sama membuka minda dan ruang pemikiran kepada cabaran yang makin global dalam kehidupan sekarang. Ilmuwan agama bukan sekadar berkisar di tempat dan ruang yang terhad, malah mereka seperti yang telah dicontohkan oleh tokoh ini mampu berada dan mengemudi pengurusan yang besar dan kompleks. Selamat membaca.

TAN SRI DR. MOHD YUSOF NOOR

Pengerusi Lembaga Pengarah USIM



Bersama Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda

SEULAS PINANG NUKILAN TINTA



Alhamdulillah, puji dan syukur kehadiran Ilahi. Tahniah diucapkan kepada penulis-penulis biografi Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, *Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil: Menongkah Arus Meneraju Menara Gading* yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Mohammad Haji Alias. Dengan segala usaha dalam mengumpul maklumat dari Singapura hingga ke kampung kelahiran tokoh di Jerantut, Pahang buku yang dihasilkan ini tentu akan menjadi sebutan kerana tokoh merupakan tokoh yang disegani dan dikenali ramai.

Buku ini merupakan salah satu siri Tokoh Islam yang diterbitkan oleh USIM untuk mengenang jasa pemimpin dan tokoh-tokoh di Malaysia. Insya-Allah, akan ada beberapa siri lagi pada masa akan datang.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin merupakan tokoh yang disegani tidak hanya di Malaysia tetapi turut dikenali hingga ke luar negara. Antara sumbangan yang paling besar adalah penubuhan USIM di mana beliau menjadi pengasasnya dan USIM telah berkembang sehingga ke hari ini. Saya amat bertuah kerana mengambil alih tampuk pimpinan USIM dari beliau.

Justeru itu, saya berharap dengan adanya buku ini akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Muhammad Muda

PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA

Naib Canselor USIM



**PROF. EMERITUS TAN SRI DATO'
DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN**

*Jika mencari rakan beliaulah rakan setia
Jika mencari bapa ia bapa yang bertanggungjawab
Jika mencari pemimpin ia pemimpin yang abqari
Salah di betulkan
Silap di tegur
Jahil ditunjuk ajar
Kabur dijelaskan
Bermuzakarah fikiran ditanya
Buah fikiran diterima
Matlamat dikongsi bersama
Yang susah menjadi senang
Yang berat menjadi ringan
Yang jauh menjadi dekat*

Itulah Tan Sri Shukor, pemimpin berilmu, beriman dan bermuafakat

Nukilan : Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim





DEDIKASI KEPADA NAIB CANSELOR PERTAMA USIM

*Hendak daun diberi daun
Daun pisang banyak gunanya
Apa bicara dalam pantun?
Bicara tentang tokoh teristimewa*

*Buah pulasan datang bermusim
Manis rasanya seperti halwa
Tan Sri menetapkan objektif USIM
Melahirkan siswa berakhlak mulia*

*Cantik warnanya bunga kekwa
Digubah sejambak sebagai cenderahati
Objektif USIM melahirkan siswa
Berakhlak mulia cemerlang prestasi*

*Wangi sungguh bunga melati
Begitu juga bunga kenanga
Apakah sifat utama tokoh ini?
Berilmu, berhemah mewarnai peribadinya*

Nukilan : Prof. Dato' Dr. Haji Mohammad Haji Alias





THE BIG
BUS
COMPANY

Buckingham Palace • Westminster Abbey • Houses of Parliament • St. Paul's Cathedral
Kennington Palace • Madame Tussaud's • Big Ben • Tower of London • Trafalgar Square

Di Kota London

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

PENDAHULUAN

Segala puji dan syukur kepada Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat, taufik dan inayah-Nya kepada kami panel penulis sehingga Biografi ini berjaya diterbitkan. Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang merupakan rahmat bagi sekalian alam, hamba yang amat dikasihi di sisi Allah SWT, sebagai contoh terbaik, membawa umat manusia keluar daripada kegelapan kepada cahaya Islam.

Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pengurusan Tertinggi Universiti khususnya Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor atas kepercayaan dan amanah yang diberi kepada kami untuk menyusun dan menulis biografi seorang tokoh yang sinonim dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Tokoh yang dimaksudkan ialah Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor bin Haji Husin, Naib Canselor USIM yang pertama yang sekarang menjawat jawatan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) merangkap Felo Utama dan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (2005-sekarang). Sesungguhnya kepercayaan dan amanah yang diberi amat mencabar sekali. Cabarannya bukan sahaja keperluan menulis secara kreatif tetapi bagaimana mempersembahkan kisah perjalanan hidup tokoh ini dengan cara yang kreatif, menarik dan berfakta. Gaya penulisan yang dipilih adalah separa akademik.

Umumnya biografi ditulis tentang individu-individu yang terkenal. Tan Sri dipilih kerana ketokohan dan sumbangannya. Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor bin Haji Husin adalah seorang tokoh yang terkenal di peringkat antarabangsa, serantau dan kebangsaan. Dalam pembangunan pendidikan dan pengajian tinggi Islam negara, nama beliau tidak asing lagi. Tan Sri telah memainkan peranan dan memberi sumbangan yang amat signifikan dalam penubuhan dan pembangunan USIM daripada fasa *conceptualisation* kepada fasa realisasi dan pemantapannya. Dengan penubuhan USIM Pengajian Islam dimartabatkan ke dalam arus perdana pendidikan negara.

Tokoh ini yang dilahirkan pada 10 April 1942 di Kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang boleh disifatkan sebagai mempunyai *humble beginning*. Namun beliau dengan bantuan keluarga terdekat, sanak saudara serta warga Kampung Tebing Tinggi yang akrab antara satu dengan lain dan semestinya dengan izin Allah SWT, telah berjaya mencatat kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai sudut: sebagai ketua keluarga, pemimpin, pentadbir, ulama, ahli akademik serta pemikir. Beliau telah berjaya menongkah pelbagai arus. Menongkah arus merupakan frasa substantif tajuk Biografi Tan Sri yang diberi nama: ***Dari Sungai Pahang Ke Sungai Nil: Menongkah Arus Meneraju Menara Gading***. Untuk mencapai kejayaan ini Tan Sri perlu menongkah arus, keadaan ekonomi keluarga yang sederhana, sistem pendidikan yang tidak sistematik terutama dalam Pendidikan Islam, pemikiran dan persepsi masyarakat terhadap pendidikan agama pada masa itu.

Salah satu pendekatan yang diambil Panel Penulis dalam penyusunan Biografi ini adalah mengenal pasti peristiwa-peristiwa penting dalam perjalanan hidup Tan Sri. Secara khususnya penulis cuba mengenal pasti major *turning-points* dalam kehidupan Tan Sri. Dari sudut pelajaran, *turning-points* yang penting adalah tertinggal kereta api dari Jerantut ke Gemas terus ke Kuala Lumpur untuk menghadiri temuduga/peperiksaan kemasukan ke Kolej Islam Malaya (KIM) (dari Tebing Tinggi ke Jerantut perlu naik bot; tempoh perjalanan selama dua jam; enjin bot rosak akan melambatkan lagi perjalanan); tidak meneruskan pelajaran ke Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) kerana masalah kewangan dan tidak direstui saudara mara terdekat; melanjutkan pelajaran ke Madrasah Aljunied, Singapura, dan kemudian melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar, Mesir. Dari sudut kerjaya beliau tidak memilih kerjaya sebagai ahli politik atas kurang minat dan nasihat orang-orang tua, dan kemudian dilantik sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM selepas melalui tempoh yang mencabar.

Pencapaian Tan Sri terlalu banyak. Di antaranya ijazah PhD dalam bidang Usuluddin daripada Universiti Al-Azhar, penyampaian Syarahan Perdana (pengukuhan jawatan Profesor di UKM), sebagai Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan; anugerah jawatan Profesor Emeritus daripada USIM (Majlis Konvokesyen Ke-8 2010), Naib Canselor pertama bagi sebuah universiti Islam awam di Malaysia, dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengajian Islam) dari UKM (Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia Ke-38, 7-10 Ogos 2010).

Projek penulisan biografi menjadi lebih mudah kerana banyak maklumat tentang tokoh ini terutamanya pemikiran beliau sedia terdapat dalam bentuk buku, artikel, bab dalam buku dan sebagainya. Panel penulis juga memperoleh maklumat melalui temubual terutamanya bersama Tan Sri sendiri, temu bual bersama pengasas, pendukung dan peneraju penubuhan dan pembangunan USIM, temu bual bersama ahli keluarga serta saudara mara Tan Sri, temu bual bersama rakan pentadbir dan ahli akademik dan bekas Penghulu Kampung Tebing Tinggi (tempat kelahiran Tan Sri). Banyak maklumat tambahan diperolehi khususnya untuk Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan Bab 4 melalui temubual Prof. Mohammad Haji Alias dengan Tan Sri. Tan Sri sendiri telah meneliti serta mentashih manuskrip untuk memastikan kesahihan fakta.

Wakil panel penulis juga telah membuat lawatan kerja ke Madrasah Aljunied di Singapura untuk mendapatkan maklumat tentang Madrasah ini serta rekod Tan Sri sebagai bekas pelajar di sana. Dari rekod yang diperolehi dapat dikenal pasti tarikh kemasukan Tan Sri ke Madrasah Aljunied, pencapaian dan kemudian meneruskan pengajian ke Universiti Al-Azhar, Mesir.

Buku ini disusun dalam tujuh bab. Bab pertama memperihalkan asal usul dan kelahiran Tan Sri. Beliau dilahirkan di Kg. Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang. Kg. Tebing Tinggi lokasinya di tepi tebing Sungai Pahang, sungai yang terpanjang di Semenanjung. Penduduk kampung ini telah berpindah ke Kg. Bukit Genting dan juga Kg. Simpang Tebing Tinggi selepas berlakunya bah besar pada tahun 1970. Bab Ke-2 memperihalkan sejarah persekolahan dan pendidikan yang telah dilalui oleh Tan Sri bermula di Sekolah Melayu Tebing Tinggi sehingga ke peringkat pengajian tinggi di Universiti Al-Azhar As-Sharif, sebuah universiti yang tersohor di dunia.

Seterusnya Bab Ke-3 memperihalkan pencapaian Tan Sri dari segi kerjaya. Episod yang menarik sebelum Tan Sri memulakan kerjaya formalnya adalah kerja sambilan yang Tan Sri lakukan semasa bercuti pengajian di Madrasah Aljunied, Singapura. Semasa cuti bulan Ramadhan Tan Sri balik ke kampungnya dan antara pekerjaan yang dilakukan ialah mengambil upah membawa benih getah dengan bot. Tan Sri pernah menjadi guru sementara di Pahang sebelum memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di Fakulti Pengajian Islam UKM. Susur galur kerjaya Tan Sri dalam bidang akademik dan pentadbiran akademik adalah mengagumkan dan penuh kecemerlangan. Pemikiran beliau yang merentasi pelbagai bidang daripada bidang terasnya iaitu Akidah dan Falsafah Islam kepada pengurusan/pentadbiran (yang diperolehi melalui

pengalaman dan praktis) dan pembangunan sosial telah dimanfaatkan dan memberi impak positif kepada masyarakat dan negara.

Dalam Bab ke-4 pula menyatakan sumbangan Tan Sri dalam penubuhan dan pembangunan Universiti Sains Islam Malaysia (nama asalnya Kolej Universiti Sains Islam Malaysia, KUIM). Wujud hubungan simbiosis antara beliau dan USIM. Sumbangan beliau daripada peringkat konsepsi idea, proses dan *output* sangat bernilai. Beliau mengakui kejayaan dalam penubuhan USIM adalah kejayaan atas usaha bersama pelbagai pihak. Sumbangan substantif beliau adalah kejayaan membawa Pendidikan Islam ke arus perdana pendidikan negara.

Bab Ke-5 adalah berkenaan dengan sumbangan lain Tan Sri. Tan Sri menganggotai pelbagai jawatankuasa pada peringkat negeri, kebangsaan, serantau dan antarabangsa yang mencerminkan kepercayaan terhadap kepakaran serta pengalaman beliau. Antara jawatankuasa yang beliau anggotai adalah Ahli Majlis Kebangsaan bagi Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (2005-sekarang), Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia (2005-sekarang), Ahli Jawatankuasa Pusat Pengajian Islam Sedunia (1993-1995), Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang (1989-sekarang), Naib Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia (Rabitah) merangkap wakil Malaysia (2004-sekarang), Ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang (1989-sekarang), Ahli Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Agama Islam Negeri Pahang (1995-sekarang), dan ahli Lembaga Pengarah Al-Madinah International University (2010-sekarang).

Bab Ke-6 adalah berkenaan Tan Sri sebagai ketua keluarga. Bab ini ditulis oleh Dr. Syahirah Abdul Shukor bersama adik-adik beliau iaitu Dr. Syaimak Abdul Shukor, Dr. Syadiyah Abdul Shukor dan Dr. Syadwa Abdul Shukor. “Baba itulah panggilan kami adik beradik kepada ayah kesayangan kami”, demikianlah ayat pertama bab ini yang mencerminkan serta menzahirkan kesayangan dan penghormatan anak-anak Tan Sri kepada beliau. Anak-anak Tan Sri semua berjaya cemerlang dalam bidang akademik. Tan Sri berjaya sebagai pemimpin kerana telah berjaya memimpin ahli-ahli keluarganya dan masyarakat. Pandangan Puan Sri Ramah juga telah diperolehi. Puan Sri Ramah merupakan seorang pendamping setia yang berada di sisi Tan Sri apabila diperlukan. Bagi Puan Sri Ramah, Tan Sri sangat *cool* orangnya.

Bab Ke-7 merumuskan perjalanan hidup Tan Sri, cabaran yang dihadapi serta penyelesaiannya, dan sumbangan besarnya kepada pembangunan pendidikan Islam di Malaysia.

Kejayaan dalam penyusunan dan penulisan biografi adalah hasil dan berkat kerjasama dan bantuan pelbagai pihak. Sekali lagi diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan Tertinggi Universiti khususnya Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda atas tanggungjawab yang diamanahkan kepada Panel Penulis dalam usaha ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor bin Haji Husin, Yang Berbahagia Puan Sri Ramah Abdul Manan serta ahli-ahli keluarga atas segala kerjasama yang diberi. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada Bahagian Penerbitan USIM yang diketuai oleh Puan Hariza Mohd Yusof dan Puan Khairunnajwa Mohd Tahet, Pegawai Penerbitan yang berperanan sebagai urus setia serta Mohd Amirul Ghazali sebagai Pereka.

Setinggi-tinggi penghargaan dizahirkan dan dirakamkan kepada semua responden yang telah sudi ditemu bual oleh pihak kami. Nama-nama mereka tersenarai dalam bahagian Rujukan. Selain daripada mereka, kami juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada warga USIM atas segala bantuan yang telah diberi untuk menjayakan penerbitan buku Biografi Tan Sri ini. Kami doakan semoga Allah SWT memberi taufik dan inayah-Nya kepada semua.

Akhir kalam kami mengharapkan semoga buku biografi ini dapat mengingatkan kita kepada jasa dan sumbangan seorang tokoh kepada bangsa, negara dan agama. Di samping perjalanan hidup tokoh ini dapat dilihat, dipelajari serta diteladani.


والله أعلم

PROF. DATO' DR. HAJI MOHAMMAD HAJI ALIAS
PROF. DR. ZULKIPLE ABD GHANI
DR. SYAHIRAH ABDUL SHUKOR
PROF. MADYA DATIN DR. SAPORA SIPON
PUAN HARIZA MOHD YUSOF



Sungai Pahang

RUJUKAN



Genap 40 Tahun Perkahwinan
(7.10.1971)

- Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Hj. Don. 2005. Pendidikan Islam di Malaysia: Dari Pondok Ke Universiti. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Abdul Shukor Haji Husin. 2008. *Pembangunan Muslim Hadhari Melalui Pendidikan Islam Era Globalisasi*. Dlm. Ibrahim Abu Bakar, Muhammad Muda dan Mohammad Haji Alias (Penyunting). 2008. *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam Di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Abdul Shukor Haji Husin dan Mohammad Haji Alias. 2008. Dari KUIM Ke USIM. Dalam. Ibrahim Abu Bakar, Muhamad Muda dan Mohammad Haji Alias (Penyunting). 2008. *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam Di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Abdul Shukor Haji Husin. 2010. Teks Ucapan penerimaan Anugerah Gelaran Profesor Emeritus di Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia Ke-8 pada 25 September 2010 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).
- Abdul Shukor Haji Husin. 2010. Teks Ucapan penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengajian Islam) di Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia Ke-38 pada 9 Ogos 2010 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) UKM (Sidang 5).
- Azmy Mohamed. 2005. UKM dulu dan kini. http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=UKM35tahun&pg=ukm_02.htm
- Berita Harian online. 2010. *Penghormatan untuk Tun Mahathir*: Seperti pada 23 September dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PenghormatanuntukTunDrMahathir/Article>.
- Hariza Mohd Yusof dan Noor Adibah Mohamad (Penyelenggara). 2011. *Jasamu Dikenang*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Hisham Muhammad Taqy Eldin Kandil, Sapora Sipon, Nidzamuddin Zakaria, Anuar Sani dan Hariza Mohd Yusof (Editors). 2007. *USIM: Merintis Kejayaan Pioneering Success*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Ibrahim Abu Bakar, Muhamad Muda dan Mohammad Haji Alias (Penyunting). 2008. *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam Di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Kertas Cadangan Pelaksanaan Kolej Universiti Islam Malaysia

PENULIS-PENULIS

Profesor Dato' Dr. Haji Mohammad Haji Alias



Profesor di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau adalah Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM. Beliau berkelulusan B.Econ (Hons), M.Econ (Monash, Australia) dan PhD dalam Ekonomi (Southampton University, England). Sebelum menyertai KUIM (sekarang USIM) pada Februari 2002, beliau pernah bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari Mac 1976 hingga

April 1999; kemudian bertugas sebagai profesor di Sekolah Ekonomi (kemudian diubah nama kepada Fakulti Ekonomi) Universiti Utara Malaysia (UUM) dari Mei 1999 hingga Januari 2002. Di USIM beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Pengarah Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat. Bidang pengkhususan beliau termasuk ekonometrik gunaan (pemodelan pasaran komoditi), pendidikan ekonomi, ekonomi gunaan (ekonomi pembangunan dan ekonomi pertanian). Beliau adalah salah seorang Naib Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia (PEM). Antara buku yang telah dihasilkan/disunting: Mohammad Haji Alias, Zurina Kefeli @ Zulkefli & Nursilah Ahmad. 2007. *Graduate Employability: A Case Study of Islamic Studies Graduates in Malaysia*. Penerbit USIM; Ibrahim Abu Bakar, Muhamad Muda dan Mohammad Haji Alias (Penyunting). 2008. *Pembangunan Pengajian Tinggi di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM; dan Mohammad Haji Alias. 2008. *Koleksi Rencana Bicara Ekonomi*. Nilai : Penerbit USIM

Prof. Dr. Zulkiple Abd.Ghani



Profesor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bekelulusan SmPI UKM (Dakwah dan Kepimpinan), dan Ph.D (Edinburgh) dalam bidang dakwah dan media. Beliau kini memegang jawatan Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) di FKP. Sebelum menyertai USIM, beliau bertugas di UKM dari 1990-2009 dan pernah memegang jawatan Ketua Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan dari tahun 1997-2003. Antara penulisan biografi yang pernah dihasilkan ialah *Syeikh Abdullah Fahim : Ulama Melayu Progresif* (2006) terbitan Fakulti Pengajian Islam, UKM dan buku bertajuk *Dakwah dalam Era Siber di Malaysia* (2010) diterbitkan oleh Penerbit USIM.

Dr. Syahirah Abdul Shukor



Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau ialah Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) di FSU merangkap Ketua Program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Muda Perbandingan Undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan PhD (Undang-Undang) daripada Keele University, United Kingdom pada tahun 2009.

Memulakan karier dalam bidang akademik sebagai Penolong Pensyarah Undang-undang Bisnes di Universiti Tenaga Nasional pada November 1999. Menyertai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada 2001 sebagai Pensyarah Undang-Undang.

Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon



Seorang profesor madya di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkelulusan BA (Hons), MA, PhD (UKM), Diploma Pendidikan, Diploma Psikologi Kaunseling, Diploma Terjemahan (DBP/PPM) dan Sijil Usuludin (UM). Sebelum menyertai KUIM (sekarang USIM) pada tahun 2003, pernah bertugas sebagai guru dan kaunselor sekolah. Seterusnya menjadi pensyarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Di USIM pernah menjawat jawatan Pengarah Pusat Korporat dan Hubungan Korporat. Bidang pengkhususan adalah kaunseling kelompok, pengurusan stres dan kaunseling kerohanian. Semasa di UMS pernah menjawat jawatan Ketua Unit Kaunseling UMS. Telah menghasilkan lebih daripada 15 buah buku, membentang kertas kerja di luar dan dalam negara dan sering muncul di kaca televisyen seperti di rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM), TV al-Hijrah dan Rancangan Hujah di TV9 serta sering di jemput di stesen radio seperti FM Radio Selangor.

Hariza Mohd Yusof



Mula bertugas di USIM sebagai pegawai penerbitan dari bulan Februari 2003. Sekarang beliau merupakan Ketua Bahagian Penerbitan USIM. Kelulusan: BA (Hons): Ijazah Sarjana Muda (Editorial & Kewartawanan) dari Jabatan Pengajian Media dan MPSA – Sarjana Pengajian Penerbitan dari Universiti Malaya. Pernah bekerja sebagai wartawan di YADIM dan Eksekutif penyelidik dan pentadbiran di TRT & TRM (Tamaddun Research Trust & Tamaddun Research & Management Sdn Bhd.: 1998-2001).

DARI SUNGAI PAHANG KE SUNGAI NIL MENONGKAH ARUS MENERAJU MENARA GADING

Biografi ini adalah tentang seorang tokoh ulama dan akademik. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor bin Haji Husin adalah seorang tokoh yang terkenal di peringkat antarabangsa, serantau dan kebangsaan. Dalam pembangunan pendidikan dan pengajian tinggi Islam negara nama beliau tidak asing lagi. Tan Sri telah memainkan peranan dan memberi sumbangan yang amat signifikan dalam penubuhan dan pembangunan USIM daripada fasa *conceptualisation* kepada fasa realisasi dan pemantapannya. Dengan penubuhan USIM pengajian Islam dimartabatkan ke dalam arus pendidikan negara. Tokoh ini berasal dari Kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang. Beliau yang mempunyai *humble beginning* telah berjaya mencatat kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai sudut: sebagai ketua keluarga, pemimpin, pentadbir, ulama, ahli akademik serta pemikir. Beliau telah berjaya menongkah pelbagai arus. Untuk mencapai kejayaan ini pada peringkat awal Tan Sri perlu menongkah arus: keadaan ekonomi keluarga yang sederhana; sistem pendidikan yang tidak sistematik terutama dalam pendidikan Islam; pemikiran dan persepsi masyarakat terhadap pendidikan agama. Beliau merupakan lulusan Madrasah Aljunied, Singapura dan Universiti Al-Azhar, Mesir. Sebelum menerajui USIM beliau telah bertugas di Fakulti Pengajian Islam UKM sebagai profesor dan Dekan. Pencapaian Tan Sri terlalu banyak. Diantaranya ijazah PhD dalam bidang Usuluddin daripada Universiti Al-Azhar (pelajar Melayu yang pertama); penyampaian Syarahan Perdana (pengukuhan jawatan Profesor di UKM); sebagai Pengerusi Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia; anugerah jawatan Profesor Emeritus daripada USIM (Majlis Kovokesyen Ke-8 2010); Naib Canselor pertama bagi sebuah universiti Islam awam di Malaysia; Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengajian Islam) dari UKM (Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia Ke-38, 7-10 Ogos 2010); dan anugerah Tokoh Maal Hijrah 1433H/2011 peringkat kebangsaan.

PENERBIT
المنارة

ISBN 978-967-5295-97-3



9 789675 295973

<http://penerbit.usim.edu.my>